

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pemotongan peraturan 8

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012 [*P.U. (A) 474/2012*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memotong peraturan 8.

Pemotongan Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4.

Dibuat 30 Disember 2025

[SC.D35.100-1/3/1; PN(PU2)662/JLD.15]

DATO' MOHAMMAD FAIZ BIN AZMI

Pengerusi

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Diluluskan 31 Disember 2025

[MOF.SID(S)700-1/2/36 JLD.2; PN(PU2)662/JLD.15]

ANWAR BIN IBRAHIM

Menteri Kewangan